



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

dibaca oleh YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan Ketua  
Setiausaha (Operasi)

**MAJLIS PENUTUPAN KEMBARA KASIH KPWKM 2025 DAN MAJLIS  
PENYERAHAN NOTIS ANTI GANGGUAN SEKSUAL**

**24 MEI 2025 (SABTU)**  
**DEWAN TERTUTUP KOMPLEKS SUKAN TAWAU**  
**7.30 MALAM**

*Kemas kini 23 Mei 2025*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sabahku Sayang.

## **SALUTASI**

- LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN BERASINGAN -

## **PENGENALAN**

1. Terima kasih pengerusi majlis, syukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya dapat kita semua berkumpul di Kompleks Sukan Tawau hari ini bagi Majlis Penutupan Kembara KASIH KPWKM 2025.
2. Pertamanya saya menyampaikan salam dari YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini atas tuntutan lain yang perlu diberi keutamaan. Saya akan membacakan ucapan beliau bagi mewakili KPWKM.
3. Alhamdulillah Kembara Kasih KPWKM telah berjaya melengkapkan misi merentasi 6 daerah tanpa sebarang insiden yang tidak diingini.

## **TERIMA KASIH SABAH**

4. Saya amat berbesar hati dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, yang telah sudi meluangkan masa untuk merasmikan program kami di Tuaran pada 16 Mei yang lalu.
5. Terima kasih juga kepada YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Timbalan Ketua Menteri II atas kesudian bersama kita pada malam ini untuk menyempurnakan Majlis Penutupan Kembara Kasih KPWKM 2025.
6. Tidak dilupakan, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dihulurkan kepada rakyat Sabah yang tanpa jemu menyokong program Kembara Kasih KPWKM tahun ini dari hari pertama perasmian pada 16 haribulan di Tuaran sehinggalah ke program pada malam ini di Tawau. Terima kasih bah... Sesungguhnya kamuorang Sabah memang terbaik... Teruslah menyokong segala aktiviti yang Kementerian kami laksanakan. Sokongan kalian semua menambah semangat untuk kami terus membantu golongan mereka yang memerlukan.
7. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga dipanjangkan kepada semua yang telah terlibat dalam menjayakan Kembara Kasih KPWKM ini khusus kepada semua

agensi/Jabatan/ serta Kerajaan Negeri Sabah. Semoga khidmat bakti kita semua kepada rakyat Sabah sepanjang kembara KASIH KPWKM diberkati Illahi.

## **KEJAYAAN KEMBARA KASIH KPWKM 2025**

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Tahun ini, Kembara Kasih ini telah menjelajah **hampir 400km** di **6 buah daerah** iaitu **Tuaran, Papar dan Penampang bagi zon 1** dan **Lahad Datu, Kunak dan Tawau bagi zon 2**.
9. **Seramai 10119 rakyat Sabah telah mendapat manfaat secara langsung** menerusi **34 program Kembara Kasih KPWKM** bagi tahun ini. Ini termasuk mereka yang hadir dan menyertai aktiviti atau mendapatkan perkhidmatan yang disediakan melalui kaunter-kaunter yang dibuka di lokasi-lokasi aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan.
10. Kembara KASIH KPWKM tahun ini juga melakar sejarah tersendiri apabila **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Bergerak yang pertama di Sabah telah dilancarkan**. Selain itu, kembara KASIH juga berkesempatan **menziarahi 14 klien JKM dan LPPKN yang berada di sekitar kawasan laluan konvoi**. Kunjungan ini diharapkan dapat meringankan beban, memberikan motivasi dan semangat kepada mereka untuk bangkit meneruskan kehidupan.

## **PENUTUP**

11. Sebenarnya bukan mudah untuk kami melaksanakan Kembara Kasih ini. Program seumpama ini menuntut komitmen yang tinggi daripada semua pihak yang terlibat. Namun berkat sokongan semua, termasuk kerajaan Negeri Sabah, semuanya berjalan dengan lancar.
12. Harapan kami, dengan adanya program kolaborasi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri seperti ini dapat membantu mempercepatkan usaha pembangunan sosial kepada kumpulan sasaran.
13. Semoga Kembara kali ini mendatangkan impak yang positif kepada semua pihak dan kumpulan sasaran di peringkat akar umbi dan dapat dikembangkan ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, terimalah serangkap pantun:

Dari Tuaran hingga ke Tawau  
Kembara Kasih memberi khidmat  
Banyak kenangan masih terimbau  
Terima kasih Sabah, memori tersemat

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh